

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah terkini kehilangan pekerjaan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang berlarutan terlalu lama, untuk setiap bulan sejak Januari 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, jumlah pencarum PERKESO yang kehilangan pekerjaan bagi tempoh Januari 2021 hingga 20 Ogos 2021 adalah seramai 43,924 orang.

Pecahan bilangan pencarum PERKESO yang kehilangan pekerjaan mengikut bulan adalah seperti berikut:

- i. Januari 2021 - seramai 8,334 orang
- ii. Februari 2021 - seramai 6,296 orang
- iii. Mac 2021 - seramai 5,788 orang
- iv. April 2021 - seramai 4,963 orang
- v. Mei 2021 - seramai 3,727 orang
- vi. Jun 2021 - seramai 5,621 orang
- vii. Julai 2021 - seramai 6,012 orang
- viii. dan sehingga 20 Ogos 2021 - seramai 3,183 orang.